

## Partially-blind hawker sues KL Monorail

KUALA LUMPUR: A partially-blind hawker yesterday sued the companies handling KL Monorail to claim for damages as he alleged that they neglected to ensure that the KL Monorail trains were safe for use by the disabled people.

Mohammad Sohod Mokri, 44, from the Sri Selangor Flats, Jalan San Peng claimed that he had fallen onto the monorail track as he was getting out of a monorail coach at 9.15 pm on Feb 18, 2004.

He said assistance to get him off the monorail track only came 10 minutes later.

The writ of summons was filed at the Sessions Court Registry yesterday through Messrs Jerald Gomez & Associates.

Mohammad Sohod named Monorail Malaysia Technology Sdn Bhd (the designer for the KL Monorail coaches), KL Monorail Systems Sdn Bhd (the company that assembled and handled KL Monorail), Mtrans Holdings Sdn Bhd (the company that managed the KL Monorail system) and the Director-General of Railways as defendants.

Monorail Malaysia Technology and KL Monorail Systems are subsidiaries of Mtrans Holdings Sdn Bhd.

In his statement of claim, Mohammad Sohod alleged that he had boarded the train from the Tun Sambanthan Station to Hang Tuah Station on the day of the incident.

Due to the fall, Mohammad Sohod claimed that both his feet were swollen and fractured. — Bernama

**KOSMO** Sabtu 3 September 2005

# OKU saman monorel

Oleh RUDY IRWAN SHUKAIME  
rudyirwan@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Seorang ahli perniagaan buta menyaman Syarikat Monorail Malaysia Technology Sdn. Bhd. selepas dia terjatuh ke landasan Monorel tersebut pada tahun lalu.

Plaintif, Mohammad Sohod Mokri, 44, menuntut ganti rugi kerana didakwa syarikat tersebut cuai dan gagal memastikan pengguna Monorel adalah selamat untuk digunakan oleh orang kurang upaya (OKU).

Beliau juga menyaman KL Mo-

norel Systems Sdn. Bhd., Mtran Holdings Sdn. Bhd., dan Ketua Pengarah Jabatan Keretapi sebagai defendant ketiga, kedua dan keempat.

Mohammad Sohod memfailkan writ saman itu melalui firma guaman mewakilinya, Tetuan Jerald Gomez & Associates di Pejabat Pendaftar Mahkamah Sesyen (Bahagian Sivil) di sini pagi semalam.

Dalam pernyataan tuntutan, Mohammad Sohod mendakwa pada pukul 9.15 malam, 18 Februari tahun lalu, dia telah menggunakan sistem KL Monorail dari

stesen Monorail Tun Sambanthan ke Stesen Monorail Hang Tuah.

Sampai di stesen tersebut, beliau yang mahu keluar dari gerabak Monorel telah terjatuh ke atas landasan monorel semasa menyusul pagar (railing).

Bantuan untuk mengeluarkannya juga didakwa lambat sampai iaitu kira-kira 10 minit selepas kejadian.

Akibat kelalaian defendant-defendant, beliau mengalami kecederaan iaitu lebam dan keretakan pada kedua-dua belah kaki, kecederaan kekal serta kehilangan upaya untuk bekerja.

Beliau mendakwa kejadian itu berlaku akibat ketidakaan langkah-langkah keselamatan serta kelalaian defendant-defendant atau ejen-ejen mereka yang menguruskan Monorel dalam memastikan ia selamat untuk digunakan terutamanya bagi OKU.

Oleh itu, selain ganti rugi am dan khas, Mohammad Sohod juga menuntut faedah empat peratus terhadap ganti rugi khas, faedah lapan peratus ke atas ganti rugi am, faedah lapan peratus dari tarikh penghakiman, kos dan lain-lain relif.